



P U S P A N I T A

(Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia)
d/a Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 25 KOMTAR, 10503 Pulau Pinang

Ruj. Kami : PUSPA/PP/MA/2023 (1)
Tarikh : 16 Januari 2023

Semua Ahli PUSPANITA Cawangan Negeri Pulau Pinang
(Jabatan Negeri & Persekutuan)

Semua Penyelaras PUSPANITA
(Sila maklumkan kepada ahli PUSPANITA di Jabatan YB. Dato' / YBhg. Dato' /
Datin / Puan)

YB. Dato' / YB. Puan/ YBhg. Dato' / Datin / Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA CAWANGAN NEGERI PULAU PINANG KE - 40 BAGI TAHUN 2023.

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa **Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA Cawangan Negeri Pulau Pinang Ke – 40 bagi tahun 2023 akan diadakan** pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh : 24 Februari 2023 (Jumaat)

Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang

***Tempat : Dewan Sri Pinang, Lebuh Light
Pulau Pinang***

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA CAWANGAN NEGERI PULAU PINANG KE - 40 BAGI TAHUN 2023.

3. Sehubungan dengan itu, semua Ahli PUSPANITA Cawangan Negeri Pulau Pinang adalah **dijemput hadir** bagi menunaikan tanggungjawab sebagai ahli. Sebagai ahli PUSPANITA, dikehendaki memakai pakaian seragam PUSPANITA (jika ada) bersempena mesyuarat tersebut. Semua Ahli PUSPANITA yang terdiri daripada Penjawat Awam adalah diberi kemudahan Cuti Tanpa Rekod / Pelepasan Waktu Bertugas bagi menyertai Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Negeri Pulau Pinang mengikut Perintah Am 42(a) Bab C.

4. Cadangan/Usul penambahbaikan bagi kebaikan persatuan secara bertulis hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha PUSPANITA Cawangan Negeri Pulau Pinang melalui e-mail: harizah@penang.gov.my selewat - lewatnya (2) dua minggu sebelum tarikh Mesyuarat Agung diadakan. Buku Laporan Mesyuarat Agung akan dimuatnaik ke laman rasmi PUSPANITA Cawangan Negeri Pulau Pinang iaitu <http://puspanita.penang.gov.my/> sebelum mesyuarat berlangsung.

5. Bagi memudahkan urusan daftar senarai kehadiran untuk Mesyuarat tersebut, kerjasama YB. Dato' / YB. Puan/ YBhg. Dato' / Datin / Puan amatlah dihargai untuk mengesahkan kehadiran melalui pautan berikut <https://puspanita.penang.gov.my/AGM40>. Justeru, bersama-sama ini dilampirkan juga maklumat berikut untuk makluman ahli PUSPANITA berhubung Mesyuarat Agung Tahun ke-40 PUSPANITA Cawangan Negeri Pulau Pinang Tahun 2023:

- i. Lampiran 1: Aturcara Mesyuarat;
- ii. Lampiran 2: Agenda Mesyuarat;
- iii. Lampiran 3: Borang Cadangan/Usul;

Ruj. Kami : PUSPA/PP/MA/2023 (1)
Tarikh : 16 Januari 2023

**NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA CAWANGAN
NEGERI PULAU PINANG KE - 40 BAGI TAHUN 2023.**

6. Kehadiran dan Kerjasama serta perhatian yang diberikan oleh YB. Dato' / YBhg. Dato' / Datin / Puan berhubung perkara di atas amatlah diharapkan dan diakhiri dengan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Sekian.

**"WANITA SEPAKAT NEGARA MENINGKAT"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



[NOORHARIZAH AZFAR BINTI ALI BAHRUN]

Setiausaha PUSPANITA
Cawangan Negeri Pulau Pinang.

s.k. YB. Setiausaha Kerajaan Negeri
Merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Negeri Pulau Pinang
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Paras 25,
10503 KOMTAR
PULAU PINANG

YBhg. Datin Zuraida binti Dahari
Pengerusi PUSPANITA Cawangan Negeri Pulau Pinang